

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDDIN (MASJID TANAH)**

**SOALAN**

**YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Samsuddin [ Masjid Tanah]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik terkini yang melibatkan kes culik yang berkaitan dengan sindiket pemerdagangan Organ Manusia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kes penculikan yang melibatkan modus operandi pemerdagangan organ tidak pernah berlaku di negara ini. Risikan yang dijalankan oleh pihak polis juga mendapati tiada sindiket penjualan atau pembelian organ oleh mana-mana pihak daripada negara ini.

Dakwaan kononnya terdapatnya kes pemerdagangan organ kanak-kanak yang diculik untuk dijual di luar negara seperti yang tersebar luas di laman sosial khususnya di *Facebook* dan *Whatsapp* merupakan khabar angin semata-mata yang bertujuan untuk menakutkan orang ramai dan dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.